



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 September 2024
30 Safar 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Sisa plastik 'kuasai' lautan menjelang 2050 • 749,800 benih ikan dilepaskan di Terengganu • Pengelasan zon kurangkan kelunturan karang •
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• 749,800 benih ikan dilepas ke sungai di Terengganu
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL		14	4.9.2024

749,800 benih ikan dilepas ke sungai di Terengganu



SEBAHAGIAN pegawai Jabatan Perikanan dan sukarelawan melepaskan benih ikan di Sungai Merchang, Marang semalam.

MARANG – Jabatan Perikanan Terengganu mengambil inisiatif melepaskan 749,800 benih ikan pelbagai spesies sejak awal tahun ini untuk memperkukuhkan lagi keterjaminan makanan di negeri ini.

Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, pelepasan benih ikan bernilai keseluruhan RM236,510 itu juga bertujuan memulihara pelbagai spesies ikan di habitat asalnya.

"Pelepasan benih ikan di 16 lokasi di seluruh negeri ini juga bagi meningkatkan tangkapan

ikan nelayan selain melonjakkan lagi industri perikanan rekreasi tempatan.

"Sebanyak 21,500 ekor anak baung, lampam sungai (80,000), udang galah (190,000), siakap (3,300) dan kelah (600) telah dilepaskan di lokasi tersebut setakat ini," katanya selepas melepaskan benih ikan di Sungai Merchang, di sini semalam.

Ruzaidi berkata, pemilihan lokasi pelepasan benih ikan berkenaan berdasarkan kriteria seperti kewujudan aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan

darat selain berpotensi untuk dijadikan kawasan konservasi perikanan.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, program pelepasan benih ikan tersebut mula menunjukkan impak positif dengan peningkatan pendaratan ikan darat di Terengganu sebanyak 14.7 peratus pada tahun lalu.

"Tahun lalu, sebanyak 24.63 tan metrik ikan darat dengan nilai borong sebanyak RM763,282.33 berjaya didaratkan nelayan," katanya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	✓	NEUTRAL			4	4.9.2024



LAPORAN KHAS

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
dan FITRI NIZAM
utusannews@medianusa.com.my

PETALING JAYA: Plastik terkumpul di sungai dan laut merupakan satu krisis global yang perlu ditangani segera kerana ia bukan sahaja memberi kesan negatif kepada alam sekitar bahkan mampu menyumbang kepada 'kepupusan' hidupan marin.

Kebimbangan itu disuarakan Pusat Kepelbagaian Biologi yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) apabila hasil kajiannya mendapati 40 peratus daripada permukaan lautan kini 'dikuasai' berbilion tan sisa plastik.

Lebih malang lagi, penyelidik meramalkan menjelang tahun 2050, jumlah sisa plastik di lautan dijangka melebihi populasi ikan.

Dalam kajian dilakukan Pusat Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung mendapati, hidupan laut dan sungai khususnya ikan yang terdedah kepada mikroplastik menunjukkan tanda tekanan fizikal dan fisiologi termasuk perubahan dalam tabiat pemakanan sekali gus memberi kesan kepada pertumbuhan serta peningkatan kerentanan kepada terhad penyakit.

Kehadiran mikroplastik di lautan dan sungai juga dikesan mengakibatkan potensi bio-akumulasi bahan toksik yang boleh menyebabkan penurunan kesuburan dan penghasilan telur terhadap hidupan akuatik.

Faktor itu mengakibatkan jangka hayat hidupan itu berkurangan berbanding sebelumnya sekali gus memberi impak negatif terhadap sektor keselamatan makanan negara.

Pengarah Pusat Penyelidikan Pentaksiran Impak, Pusat Penyelidikan Perikanan (IPP) Batu Maung, Ku Kassim Ku Yaacob berkata, berdasarkan kajian pihaknya, parameter kimia yang direkodkan dalam organisma didominasi oleh rayon, polipropilena (PP) dan polietilena (PE). Namun, beliau berkata, be-

Sisa plastik 'kuasai' lautan menjelang 2050



KEHADIRAN mikroplastik di laut dan sungai boleh mengakibatkan potensi bio-akumulasi bahan toksik yang mungkin menyebabkan penurunan kesuburan terhadap hidupan akuatik.

berapa polimer yang mempunyai kadar toksik tinggi seperti poliuretan (PUR) dan polivinil klorida (PVC) juga ditemukan.

"Lebih membimbangkan adalah bahan kimia yang digunakan dalam penghasilan plastik seperti bisphenol A (BPA) dan phthalate boleh dirembes dan berakumulasi dalam persekitaran serta sumber makanan sekali gus mencetuskan kebimbangan mengenai kesan jangka panjang terhadap kesihatan sejagat.

"Hubung kait antara bahan kimia ini dengan masalah kesihatan seperti ketidakseimbangan hormon serta masalah reproduksi telah banyak dilaporkan di dalam kajian dalam dan luar negara. Pemantauan berkala bagi polimer jenis ini perlu dilakukan kerana sifat

karsinogeniknya (ejen pertumbuhan kanser)." katanya kepada Utusan Malaysia.

Mengulas lanjut, beliau berkata, bagi polimer lain yang mempunyai kadar toksik rendah, kajian jangka panjang wajar dijalankan untuk menentukan sama ada bio-akumulasi akan memberi kesan negatif kepada organisma akuatik dan manusia yang memakannya.

"Ini bukan sahaja mengancam kesejahteraan ekosistem, tetapi juga menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan makanan laut yang menjadi sumber protein utama bagi masyarakat di negara ini," katanya.

Sebelum ini, IPP Batu Maung menjalankan kajian berhubung impak mikroplastik terhadap hidupan akuatik di beberapa

muara sungai di Perak, Terengganu, Kedah dan Pulau Pinang membabitkan Sungai Merbok (Kedah), Sungai Kurau (Perak), Sungai Terengganu (Terengganu), Sungai Pinang, Sungai Perai dan Sungai Nibong (Pulau Pinang).

Selain itu, IPP Batu Maung juga menjalankan kajian sama di Laut China Selatan dan Selat Melaka.

Sementara itu, Pegawai Penyelidik IPP Batu Maung, Najihah Mohamad berkata, antara spesies ikan yang dikaji pihaknya adalah seperti kembung, bilis, kerapu, jenahak, siakap dan kerang-kerangan.

Katanya, hasil kajian mendapati mikroplastik ditemui dalam jumlah yang berbeza dalam setiap spesies dengan beberapa jenis ikan menunjukkan tahap

653 tan
sisa plastik di Kuala Lumpur masuk ke laut setiap tahun.

pencemaran lebih tinggi.

"Bagaimanapun, harus diingati mikroplastik yang ditemui di dalam ikan bukan kesemuanya berakhir dalam tisu yang dimakan oleh manusia, tetapi lebih banyak ditemui di dalam organ yang dibuang seperti salur usus dan insang.

"Berbeza dengan kerang-kerangan yang kebiasaannya di-

makan secara keseluruhan. Oleh itu, kesemua pihak haruslah mengkonsumi kerang-kerangan dengan berpeda-pada.

"Penemuan ini amat penting kerana ia memberi gambaran tentang bagaimana mikroplastik berpindah daripada persekitaran laut kepada ikan dan kerang sekali gus membahayakan kesihatan manusia yang memakannya," katanya.

Tempoh sampah plastik terurai

Tali pancing
600 tahun



Botol plastik
450 tahun



JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		✓	NEGATIF		NEUTRAL		33	4.9.2024

749,800 benih ikan dilepaskan di Terengganu



SEBAHAGIAN daripada benih ikan yang dilepaskan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu di Sungai Merchang, Marang, baru-baru ini.

KUALA TERENGGANU: Sebanyak 749,800 benih ikan pelbagai spesies bernilai RM236,510 dilepaskan di 16 lokasi seluruh negeri ini sejak Januari hingga Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, program tersebut bertujuan mengukuhkan lagi keterjaminan makanan dan memelihara pelbagai spesies ikan di habitat asalnya.

Menurutnya, pelepasan benih ikan itu juga dapat meningkatkan tangkapan hasil nelayan dan melonjakkan industri perikanan rekreasi setempat.

"Jabatan telah menerima peruntukan sebanyak RM135,000 bagi perolehan benih ikan daripada kerajaan negeri dan Kera-

jaan Persekutuan pada tahun ini.

"Sebanyak 295,400 benih ikan terdiri daripada 21,500 ekor baung, lampam sungai (80,000), udang galah (190,000), siakap (3,300) dan kelah (600) dilepaskan di lokasi terpilih setakat ini," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Pemilihan lokasi pelepasan benih ikan itu berdasarkan beberapa kriteria antaranya kewujudan aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan darat dan kawasan tersebut berpotensi dijadikan konservasi perikanan.

Beliau berkata, berdasarkan data pada 2022 dan 2023 menunjukkan peningkatan jumlah pendaratan perikanan darat sebanyak 14.7 peratus iaitu

bersamaan 24.63 tan metrik manakala nilai borong bernilai RM763,282.33.

Menurutnya, peningkatan itu antara impak positif menerusi program pelepasan benih ikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Terengganu.

"Harapan kita agar komuniti setempat turut memainkan peranan memelihara ekosistem perairan darat agar usaha dilakukan kerajaan dapat dikecapi hasilnya.

"Orang awam yang memiliki ikan asing sebagai ikan peliharaan juga diingatkan agar tidak melepaskan ikan tersebut ke perairan umum kerana itu akan menyebabkan ikan-ikan sedia ada menjadi mangsa," katanya.

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	/		34	4/9/2024.

Pengelasan zon kurangkan kelunturan karang

KUALA TERENGGANU: Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu akan melakukan pengelasan zon di lokasi terumbu karang bagi meminimumkan kesan kelunturan karang yang berlaku di perairan Malaysia ketika ini.

Pengarahnya, Ahmad Ridzwan Abd. Rahman berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk mendapatkan penjelasan lebih terperinci.

Menurutnya, kelunturan karang berskala besar yang kini berlaku di perairan negara berpunca daripada pemanasan global namun faktor aktiviti manusia turut memberi kesan terhadap perkara itu.


"Terengganu memang agak terjejas terutama di sekitar Pulau Redang yang terkenal de-

ngan keindahan terumbu karang di dasar laut.

"Namun, bagi kawasan yang kurang tumpuan aktiviti manusia seperti di Pulau Tenggol di daerah Dungun, kadar kelunturan karang tidak begitu teruk dan masih terpelihara.

"Satu langkah proaktif akan diambil termasuk berbincang dengan penggiat industri pelancongan terutama di pulau-pulau peranginan Terengganu dalam masa terdekat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*, di sini, semalam.

Baru-baru ini, akhbar melaporkan terumbu karang di Malaysia mengalami isu kelunturan besar-besaran akibat peningkatan suhu permukaan laut yang boleh memberi implikasi serius terhadap biodiversiti marin, perikanan terumbu karang dan pelancongan.



KELUNTURAN terumbu karang berskala besar dilaporkan berlaku di perairan negara.